

1. "Pembatalan rancangan Malayan Union bukanlah hasil perjuangan UMNO semata-mata. Ia juga adalah akibat penentangan beberapa pihak lain serta muslihat British untuk menjayakan rancangan asalnya." Bahaskan.
2. Sejauh manakah pengaruh agama Islam penting dalam kesedaran dan perjuangan politik orang Melayu antara tahun-tahun 1900-1959?
3. Apakah pada pendapat anda dua anjakan penting dalam politik Malaysia antara tahun 1945-1965?
4. "Punca utama pengisytiharan Darurat oleh kerajaan British pada tahun 1948 ialah keganasan Parti Komunis Malaya. Ia tiada kena-mengena dengan tindakan penduduk Tanah Melayu untuk memerdekakan tanahair mereka". Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
5. "Pemisahan Singapura daripada Malaysia adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan; penggabungan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia adalah peristiwa luar jangkaan yang tiba-tiba menjadi kenyataan." Bincangkan.
6. "Pertelagahan yang berpunca daripada soal perkauman sering mengancam kestabilan politik Malaysia. Namun demikian, sistem demokrasi terus terlaksana dan rakyat Malaysia bebas mengkritik dan menyatakan sikap politik mereka." Nilai pernyataan ini dengan merujuk kepada perkembangan sehingga akhir 1980-an.